

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Monday, May 21, 2018 10:58 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin
Subject: JALINAN PUJANGGA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA DENGAN TIGA BUAH SEKOLAH DALAM SATU PROGRAM "PETAH BICARA"



**Pejabat Pembangunan
Pelajar dan Alumni**

STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE

Universiti Utara Malaysia

21 MEI 2018 / 5 RAMADHAN 1439H

=====
"UUM:UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

JALINAN PUJANGGA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA DENGAN TIGA BUAH SEKOLAH DALAM SATU PROGRAM "PETAH BICARA"

Kulim, 15 Mei – Kelab Pujangga di bawah Pusat Pembangunan Pelajar UUM CAS telah melaksanakan program di Smk Badlishah, Kulim yang melibatkan penyertaan daripada tiga buah sekolah iaitu Smk Sultan Badlishah, Smk Sik dan Smk Dato'Syed Ahmad pada Selasa lalu. Program ini merupakan salah satu aktiviti di bawah Program Jalinan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dengan UUM.



Pengarah program, Ayuni Syahirah Bt Mohamad berkata, Program Jalinan "Petah Bicara" ini berobjektif memberi pendedahan kepada pelajar tentang seni teater dan puisi disamping mewujudkan hubungan antara pihak universiti dan pihak sekolah. Seramai 10 orang fasilitator dari Kelab Pujangga telah terlibat di dalam program ini.



Tambahan beliau, program ini juga turut memberikan inspirasi kepada peserta yang terlibat untuk berani tampil dihadapan untuk mengeksposikan bakat mereka dalam seni teater mahupun puisi. Jelasnya, sepanjang program ini berlangsung, para pelajar kelihatan ceria dan teruja untuk mengikuti slot-slot yang fasilitator Universiti Utara Malaysia anjurkan.

“Antara aktiviti disetiap slot sepanjang hari tersebut adalah pendedahan tentang teori-teori teater dan puisi , bimbingan berkumpul dan persembahan untuk tujuan penguasaan ilmu teater dan puisi “ ujar beliau lagi.



Program ini berjaya dilaksanakan dengan kemahiran ketua fasilitator sedia ada dalam bidang tersebut iaitu Wan Muhammad Aqil yang merupakan aktivis yang aktif di sekitar Kedah, Perlis dan Penang. Tambahan pula, fasilitator-fasilitator lain yang seramai sembilan orang lagi cukup berdedikasi dalam mengendalikan pelajar dan berkongsi ilmu seni teater dan puisi yang melibatkan penyertaan seramai 103 orang pelajar iaitu gabungan daripada tiga buah sekolah.

Jalanan antara Kelab Pujangga sebagai wakil Universiti Utara Malaysia dengan sekolah-sekolah tersebut moga dapat diteruskan dan dieratkan lagi dengan program-program yang lain pada masa hadapan.

=====

Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307/5507 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.